

SOALAN NO : 38

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan]

TARIKH : 4 April 2018

SOALAN : Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bolehkah Kementerian memberitahu Dewan berapa banyak kambing Boer dan Feral serta kambing-kambing lain telah dibagikan kepada Jabatan Pertanian di Sabah. Nyatakan jumlah yang sebenar.

77

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah RMK-9, Kerajaan telah mengagihkan 2,599 ekor kambing (97 ekor pejantan dan 2,502 ekor induk) kepada penternak-penternak Negeri Sabah di bawah Program Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST) pada tahun 2007, 2010 dan 2011 melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT).

Seramai 50 orang penternak kambing di kawasan Sandakan, Keningau, Kunak, Tawau, Semporna, Lahad Datu, Kinabatangan, Tuaran, Papar, Bongawan, Kuala Penyu, Menumbok dan Beaufort telah menerima kambing Boer tulen dan Boer kacukan di bawah program tersebut. Kambing Feral tidak diagihkan kerana kurang sesuai untuk program pembiakan.

Selain daripada agihan di bawah Program TRUST, sebanyak 460 kambing Boer juga telah diagihkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Kalabakan dengan pecahan 250 ekor pada tahun 2006 dan 210 ekor lagi pada tahun 2007.